Baca petikan di bawah. Kemudian , isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

Hari ini hari Sabtu. Adi dan keluarganya melawat datuk dan nenek di kampung.Datuk Adi ada kebun. Kebun Datuk Adi sangat luas . Datuk Adi menanam pokok rambutan, pokok mangga dan pokok jagung.

Mereka bersama-sama membersihkan kebun datuk Adi. Ayah Adi menyabit rumput yang panjang. Bapa saudaranya pula mengait buah rambutan dengan menggunakan galah . Adi membantu datuk mengutip buah rambutan dan mangga yang gugur di atas tanah. Abang dan kakak Adi membawa bakul buah-buahan ke pondok kecil. Emak Adi mengupas buah rambutan, ibu saudaranya pula memotong buah mangga. Nenek Adi sedang merebus jagung di tepi pondok.

Apabila selesai, mereka berehat dan makan bersama-sama. Adi sangat gembira dapat pulang ke kampung kerana dapat melawat kebun datuknya.




1. Adi dan keluarganya melawat datuk dan nenek di kampung ____________________



____________.




2. Datuk Adi menanam pokok ____________________, ______________ dan



____________.




3. Adi ____________________ datuknya _______________ buah rambutan dan



mangga yang _______________ di atas tanah.




4. Emak Adi ____________________ buah rambutan dan _______________nya_ pula



__________________ buah mangga.

LIVEWORKSHEETS



5. Adi sangat ______________________ pulang ke kampung kerana dapat



______________________ kebun datuknya

LIVEWORKSHEETS